



20 NOV, 2024

RN255 juta dadah dirampas, 4,470 pengedar dicekup

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

RM255 juta dadah dirampas, 4,470 pengedar dicekup

KUCHING: Seramai 4,470 pengedar dadah ditangkap oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak dengan nilai rampasan dadah berjumlah RM255 juta semajak penubuhan Jawatankuasa Sehenti (OSC).

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata kerajaan Sarawak akan terus komited untuk menangani isu penyalahgunaan dadah dan bahan melalui pelbagai pendekatan termasuk penubuhan OSC.

"Inisiatif ini merupakan model kerjasama strategik antara pelbagai agensi kerajaan dan

masyarakat setempat di peringkat akar umbi, bertujuan menangani masalah dadah secara menyeluruh.

"Selain itu, seramai 52,745 pengguna dadah telah dikesan oleh agensi-agensi seperti Pusat Sehenti Untuk Ketagihan (OSCA), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan PDRM.

"Kerjasama antara agensi-agensi dalam OSC Menangani Isu Dadah Dan Substans (MIDS) serta pemimpin masyarakat akar umbi juga semakin kukuh dalam usaha menangani isu dadah dan bahan di peringkat tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan penggulungan bagi ke-

menteriannya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-9 Sarawak di sini, semalam.

Tambah Fatimah, pada 8 Oktober 2024, Forum Khas Narkotik yang dianjurkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dengan kerjasama OSC MIDS telah diadakan untuk memperkukuh lagi kerjasama antara agensi penguatkuasa, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan masyarakat.

"Forum ini menghasilkan beberapa resolusi strategik, antaranya adalah penggunaan teknologi untuk menyekat penyeludupan dadah, penambahan anggota penguatkuasaan, dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih keras dengan kesan yang lebih menakutkan.

Dalam pada itu, Fatimah turut menjelaskan bahawa penempatan Unit Narkotik di daerah-daerah bagi memantapkan lagi usaha membanteras dadah



INI DIA... Dato Sri Fatimah Abdullah melihat buku bil ketika menghadiri Persidangan DUN Sarawak Ke-19 di Kuching, semalam.

di peringkat akar umbi, JSJN telah menempatkan perjawatan sandaran di 13 daerah sejak 2016.

"Daerah pertama yang terlibat adalah Lundu, Marudi, dan Belaga, diikuti dengan Saratok, Simunjan, Meradong, Julau, Matu

Daro, Lubok Antu, Kanowit, dan Dalat.

"Pada 4 November 2024, unit narkotik juga telah diwujudkan di Daerah Song dan Tatau, dengan penempatan pegawai polis secara sandaran di dua daerah tersebut," katanya.



20 NOV, 2024

RN255 juta dadah dirampas, 4,470 pengedar dicekup

Utusan Sarawak, Malaysia



SUMMARIES

KUCHING: Seramai 4,470 pengedar dadah ditangkap oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak dengan nilai rampasan dadah berjumlah RM255 juta semenjak penubuhan Jawatankuasa Sehenti (OSC). Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata kerajaan Sarawak akan terus komited untuk menangani isu penyalahgunaan dadah dan bahan melalui pelbagai pendekatan termasuk penubuhan OSC.